

30/12/2000

Pas perlu kikis sikap prejudis

TANAH MERAH, Jumaat - Pas perlu mengetepikan sikap prejudis terhadap Umno jika parti itu benar-benar ikhlas dan bersedia menjalin kerjasama antara satu sama lain, terutama demi kepentingan perpaduan Melayu.

Sehubungan itu, Ketua Penerangan Umno, Datuk Mustapa Mohamed berkata, bagi Umno soal berbincang mengenai perpaduan rakyat dan negara seperti dituntut Pas tidak berbangkit kerana Umno sudah lama berusaha mengukuhkan perpaduan kaum serta memajukan negara.

Beliau berkata, apa yang perlu difahami dan diinsafi semua pihak sekarang termasuk Pas ialah demi bangsa, agama dan negara, parti itu perlu menerima hakikat perpaduan Melayu kini semakin terhakis.

Katanya, Umno sentiasa berusaha mengukuhkan perpaduan Melayu menerusi landasan berpaksikan kepentingan Melayu dan Islam.

Katanya, sebab itu Umno sentiasa membuka pintu dan mencari jalan bagi memastikan kekuatan Melayu terus utuh seperti era perjuangan pada 1946, 1957 dan 1970.

"Tahun itu mempunyai sejarah betapa kuat semangat dan perpaduan Melayu seperti tahun 1946 apabila orang Melayu bersatu menentang Malayan Union demi menjaga maruah agama.

"Peristiwa 1957, kita bersatu menghalau penjajah Inggeris sehingga mencapai kemerdekaan dan 1970 kerajaan mewujudkan Dasar Ekonomi Baru (DEB) bagi membela orang Melayu supaya jurang perbezaan ekonomi antara kaum, seimbang.

"Ini hakikat sejarah membuktikan ketika itu perpaduan Melayu amat kuat tetapi sekarang suasana agak berbeza yang antara lain berpunca sikap Pas sering membuat pelbagai tuduhan dan dakwah palsu terhadap Umno," katanya selepas majlis rumah terbuka Aidilfitri di kediamannya, petang ini.

Mustapa diminta mengulas kenyataan Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor bahawa Pas bersedia menjalin kerjasama dengan Umno seperti dilakukannya bersama parti lain dalam pakatan pembangkang.

Katanya, perbezaan ideologi politik di kalangan parti tidak bermakna ia tidak boleh bekerjasama. Bagaimanapun, beliau sebelum itu berkata, Pas menolak sebarang usaha Umno untuk membincangkan kaedah sesuai bagi menyatupadukan semula orang Melayu yang dikatakan berpecah.

Mustapa mahu Pas menghentikan sikap menuduh pihak lain dan Umno dengan pelbagai dakwah.

"Apabila Pas menuduh Umno dan pemimpinnya dengan dakwah palsu sudah pasti orang Umno sakit hati dan situasi ini tidak akan menyelesaikan masalah," katanya.

Beliau juga meminta semua pihak menilai dengan penuh keinsafan dan kesedaran mengenai apa yang diperkatakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa Umno tidak mahu kepada perpecahan dengan sesiapa dan Pas perlu sedar sikap mereka sudah keterlaluan kerana tidak mahu melihat kepada kebaikan yang dilakukan Umno.

(END)